



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**8 April 2022**

### **MENARA TELEKOMUNIKASI YANG TERBAKAR DI TELUPID, SABAH SEDANG DIBAIK PULIH DAN DISELESAIKAN SECARA BERPERINGKAT**

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum dan bersympati mengenai kisah seorang pelajar semester enam yang terpaksa memandu sejauh 10km-15km demi mencari liputan Internet dan belajar dalam bonet kereta selepas kejadian menara telekomunikasi di daerah Telupid, Sabah terbakar pada 25 Mac 2022 yang lalu.

Semenjak insiden kebakaran di menara telekomunikasi itu berlaku yang turut menjadikan liputan Internet di beberapa kawasan berhampiran Pekan Telupid, MCMC bersama pihak penyedia perkhidmatan sedang berusaha untuk membaik pulih menara tersebut secara berperingkat. Sehingga kini, perkhidmatan DIGI telah pulih dan beroperasi seperti biasa. Manakala bagi perkhidmatan Celcom dan Maxis pula dijangka akan pulih dan beroperasi dalam tempoh dua (2) minggu lagi.

MCMC juga ingin menasihatkan kepada semua pelajar dan masyarakat setempat agar sentiasa mementingkan keselamatan diri. Sebagai langkah sementara, penduduk setempat boleh mengunjungi Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) yang berada di Pekan Telupid untuk mendapatkan liputan Internet di tempat yang lebih selamat dan selesa sehingga proses baik pulih selesai dijalankan dan menara telekomunikasi tersebut beroperasi seperti biasa tidak lama lagi.

### **JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV